



# PLATFORM SHOPEE SEBAGAI PLATFORM BERNIAGA

*DR.NUR SHUHADA KAMARUDIN*

---

## A. PENGENALAN

Memasarkan perniagaan samada perkhidmatan ataupun produk perlulah menggunakan strategi tertentu. Antara salah satu perkara yang perlu diambil perhatian adalah platform pemasaran yang dipilih bagi memastikan objektif perniagaan tercapai. Melihat perkembangan perniagaan secara atas talian yang sedang maju di Malaysia, maka peniaga mempunyai pelbagai pilihan dalam menentukan platform pemasaran yang berkesan. Selain media sosial yang antara paling popular digunakan oleh kebanyakan peniaga, platform e-dagang juga mula mendapat perhatian. Ini kerana, platform e-dagang menyediakan fungsi yang lebih komprehensif dan mempunyai kadar lawatan yang tinggi di kalangan pengguna di Malaysia. Oleh itu, peniaga akan memperkenalkan kepada salah satu platform e-dagang iaitu Shopee.

## B. OBJEKTIF

Peniaga didedahkan dengan pelbagai fungsi yang disediakan oleh Shopee. Terdapat fungsi-fungsi yang boleh digunakan secara percuma dan juga berbayar bagi mengoptimumkan prestasi perkembangan perniagaan. Ini bertujuan membantu peniaga mempunyai pendedahan bagaimana membuat persediaan pemasaran dan jaringan perniagaan di Shopee.

Adalah diharapkan agar pada akhir modul ini, peserta akan:

1. Mula menjalankan perniagaan di Shopee
2. Memilih fungsi yang sesuai untuk pemasaran perniagaan di Shopee
3. Mengembangkan perniagaan sedia ada

## C. HASIL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Peserta dapat :

- i. Mendaftarkan diri sebagai peniaga di Shopee.
- ii. Membuat pemilihan bagi mengoptimumkan prestasi perniagaan.
- iii. Meluaskan pasaran perniagaan secara atas talian (online).

## D. KATA KUNCI

- Perniagaan atas talian (online)
- E-dagang (Shopee)

## E. SASARAN PESERTA

- i. Terbuka kepada peserta yang berminat menceburkan diri dalam perniagaan
- ii. Minimum 100 orang

## F. TEMPOH MASA PERLAKSANAAN

Jumlah masa yang diperuntukkan adalah 1 jam ( 60minit).

## G. BAHAN-BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Komputer riba / Telefon pintar
- ii. Nota rujukan

## H. KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

No.	Aktiviti	Kaedah pelaksanaan aktiviti	Masa
1.	Syarahan	Ceramah	60 minit

## I. PERLAKSANAAN AKTIVITI

### HURAIAN PERLAKSANAAN AKTIVITI

- Aktiviti 1
- i. Syarahan mengenai pengenalan Shopee kepada usahawan daripada penceramah yang pakar .
  - ii. Soal jawab mengenai perniagaan di Shopee
  - iii. Bahan syarahan akan dibekalkan kepada peserta

## J. PENILAIAN

### PEMBAHAGIAN PENILAIAN

No.	Perkara	Pembahagian penilaian
1.	Displin dan pengurusan masa	100%
Jumlah		100%

## Profil



**Nur Shuhada Kamarudin**, PhD kini, adalah seorang pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan memiliki sijil profesional sebagai Perancang Kewangan Islam (IFP) Malaysia. Untuk beberapa tahun ini, beliau telah dijemput sebagai penceramah kepada beberapa program latihan kepada masyarakat dan organisasi. Bidang kepakaran dan kajian beliau merangkumi pengurusan kewangan peribadi, perniagaan, keusahawanan, keusahawanan digital dan Halal pelancongan. Disamping menjalankan beberapa kajian, beliau juga aktif membentangkan dapatan hasil kajian beliau di persidangan

dalam dan luar negara.